



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA



BULETIN INTEGRITI SIRI 1 TAHUN 2020
TERBITAN UNIT INTEGRITI

**PUTUSKAN
RANTAIAN**



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

- KPKPj Ramli bin Ismail

PENYELARAS/ PENULIS

- Shahrman bin Ali Pitchay
- Wan Muhamad bin Wan Junoh
- Norain binti Ujang
- Haji Osman bin Toroh
- Juarina binti Hassan

TERBITAN

Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia

HAK CIPTA

Sebarang penyalahgunaan atau pengeksploitan terhadap buletin ini untuk tujuan komersial adalah tidak dibenarkan sama sekali.



03 - 8884 7982



03 - 8884 7922



wmuhamad.wjunoh@moe.gov.my



<http://www.moe.gov.my>

PENAFIAN - Penerbit tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang dialami kerana menggunakan maklumat di dalam buletin ini.

S U M B A N G A N K A R Y A

- Unit Integriti amat mengalu-alukan sebarang komen, pertanyaan, cadangan penambahbaikan dan sumbangan karya bertema integriti (rencana, artikel, berita, cerpen, sajak dan seumpamanya) untuk dikongsi bersama pembaca Buletin Integriti.
- Hantarkan sumbangan karya anda ke Unit Integriti di alamat e-mel kpm.ui@moe.gov.my.

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha KPM

Assalamualaikum WBT dan Selamat Sejahtera.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 dibangunkan untuk memudahkan keseluruhan jentera sektor awam dan swasta dalam **memupuk budaya berintegriti dan menangani isu rasuah dengan tema 'Memecah Rantaian Rasuah'**. Pelan ini juga menetapkan sasaran yang praktikal berdasarkan inisiatif-inisiatif yang akan diambil oleh setiap agensi kerajaan dan swasta dalam menangani masalah rasuah, integriti serta tadbir urus untuk tempoh lima tahun akan datang.

Dalam pelaksanaan pelan ini, usaha-usaha untuk membanteras jenayah rasuah perlu diperhebatkan secara berterusan dengan sokongan semua khususnya dalam kalangan penjawat awam. Justeru, tema **"Putuskan Rantaian Rasuah"** telah dipilih sebagai **tema Buletin Integriti pada kali ini**. Tema pada kali ini ingin

menzahirkan bahawa kementerian amat serius dan menyokong penuh usaha-usaha kerajaan dalam membanteras masalah rasuah, integriti serta tadbir urus dan menyeru kerjasama semua warga KPM dalam menangani masalah ini.

Sehubungan itu, saya mengambil peluang ini untuk sama-sama mengingatkan dan menyeru warga KPM agar **sentiasa menjadikan integriti sebagai asas dan pegangan dalam apa jua perkara yang dilakukan**. Sekiranya kita berhasrat melihat Malaysia bebas daripada rasuah, sama-samalah kita memberi sokongan padu terhadap segala usaha yang sedang dan akan dilakukan oleh pihak kerajaan terutama di peringkat kementerian.

Semoga perkongsian ilmu melalui buletin ini dapat memperkukuh amalan integriti dalam kalangan warga KPM.

Sekian, terima kasih.

DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS

Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia



Tinta

Ketua Unit Integriti KPM

Pelan Antirasuah KPM Tahun 2020-2024 dan Cabaran Mendepani Norma Baharu

Assalamualaikum WBT / Selamat Sejahtera.

Saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat-Nya kerana menerusi Buletin Integriti Siri I Tahun 2020 dapat kita bertemu dan berkongsi maklumat serta pengalaman berteraskan pembudayaan nilai-nilai integriti yang menjadi prinsip warga kerja KPM.

Sebagaimana kita sedia maklum, Pelan Antirasuah KPM 2020-2024 (OACP KPM) yang dilancarkan pada 25 Februari 2020 lalu merupakan kesinambungan kepada Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023. Inisiatif murni ini mencerminkan komitmen padu pengurusan tertinggi KPM dalam memperkasakan usaha pencegahan rasuah dan salah laku integriti di setiap peringkat Kementerian. Ini bertepatan dengan KPM selaku peneraju bidang pendidikan negara dan kementerian terbesar dalam perkhidmatan awam yang dijangka mampu melonjakkan pencapaian matlamat jangka panjang kerajaan.

Menyorot pula isu-isu kontemporari yang melanda tanah air, khususnya ekoran pandemik Covid-19, pelbagai usaha serta langkah telah dilaksanakan kerajaan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan rakyat terpelihara antaranya melalui penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP). Justeru, pematuhan terhadap undang-undang, peraturan semasa serta prosedur operasi standard (SOP) merupakan cerminan dan kesungguhan masyarakat negara kita bukan hanya semata-mata kerana ia dikuatkuasakan melalui peruntukan perundangan sahaja, namun apa yang lebih penting adalah bagaimana orang ramai dididik oleh pembudayaan disiplin diri dan nilai integriti tatkala mengharungi fasa-fasa getir yang mencabar. Di peringkat KPM pula, peringatan berupa mesej integriti secara berkala berada di paparan medium rasmi Kementerian bagi memastikan warga kerja sentiasa cakna terhadap pematuhan peraturan semasa yang berkuat kuasa.

Dunia perkhidmatan awam di negara kita tidak dapat lari daripada norma baharu akibat pandemik Covid-19 yang melanda negara. Sebagai penjawat awam, warga KPM perlu membiasakan diri dengan norma baharu sebagai budaya kerja dengan bersedia daripada aspek fizikal dan mental. Ini penting bagi menjamin keselamatan dan kesihatan warga terus terpelihara dengan berupaya mengekalkan kualiti sistem penyampaian perkhidmatan yang cemerlang menerusi pendekatan baharu yang bertunjangkan semangat serta nilai integriti yang tinggi.

Semoga warga KPM sentiasa dikurniakan kekuatan, kesabaran dan keutuhan integriti mendepani cabaran dalam era norma baharu dan pasca pandemik Covid-19.

Sekian.



KPKPj RAMLI BIN ISMAIL
Ketua Unit Integriti
Kementerian Pendidikan Malaysia

Keberhasilan Pelan Antirasuah KPM ini menuntut kepada daya komitmen dan iltizam yang tinggi daripada warga KPM terutamanya terhadap inisiatif bidang-bidang keutamaan yang digariskan. Keberhasilannya akan kembali kepada matlamat asal penggubalan dan tidak mustahil KPM berjaya menzahirkan segala yang dirancang melalui pelan induk organisasi antirasuah ini.

Pelan Antirasuah Nasional Mengubah Persepsi Negatif Masyarakat

Penulis: Norain binti Ujang
Unit Integriti, KPM

Sektor awam sering menjadi fokus perbincangan, terutama dalam kalangan masyarakat berkaitan isu rasuah, khususnya mereka yang terlibat secara langsung dalam menguruskan projek dan pengurusan kewangan. Kajian oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menunjukkan **63.3%** aduan rasuah yang diterima adalah berkaitan sektor awam. Dapatkan kajian di antara tahun 2013 hingga 2018 telah menunjukkan, **42.8%** aduan diterima melibatkan sektor perolehan, **23.9%** sektor penguatkuasaan, manakala **8.69%** sektor pelesenan dan permit. Ini telah menjadikan ketiga-tiga sektor ini penyumbang aduan terbesar yang diterima oleh SPRM iaitu sebanyak **75.39%**.

Oleh itu, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah dilancarkan pada **29 Januari 2019** dan pelbagai inisiatif untuk memecah rantai rasuah yang akan dilaksanakan di setiap kementerian/ jabatan dan agensi kerajaan diharap akan dapat mengurangkan gejala negatif ini.

NACP merupakan pelan induk yang dibangunkan khusus untuk dilaksanakan dalam tempoh masa 5 tahun. Pelaksanaan pelan ini akan melibatkan enam bidang utama yang cenderung kepada aktiviti rasuah iaitu **perolehan awam, penguatkuasaan undang-undang, tadbir urus politik, tadbir urus korporat, pentadbiran sektor awam** serta bidang **perundangan dan kehakiman**. Tujuan NACP ini diwujudkan adalah bagi menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) pada 8 Jun 2019.

Melalui pelancaran NACP ini, diharap persepsi negatif masyarakat terhadap penjawat awam dapat diperbaiki dan secara tidak langsung dapat **melahirkan penjawat awam** yang **efisien** dan **responsif** dalam memberikan **perkhidmatan kelas pertama**. Selain itu juga, NACP ini akan dapat membantu usaha-usaha dalam **menangani isu governans, integriti** dan **antirasuah** secara **menyeluruh**, khususnya dalam kalangan **perkhidmatan awam**. Melalui NACP juga, terdapat undang-undang yang membolehkan tindakan punitif diambil terhadap pegawai yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran dana kerajaan.

Demi mencapai kecemerlangan di peringkat antarabangsa serta dalam usaha memberi perkhidmatan yang terbaik, penjawat awam perlu **bebas daripada segala bentuk aktiviti yang menjurus kepada rasuah**. Justeru, penjawat awam perlu memberi sepenuh komitmen terhadap pelan ini bagi memastikan kejayaan dan keberkesanan perlaksanaannya. Kita percaya bahawa, tanpa usaha yang gigih dan berterusan daripada semua pihak, NACP ini tidak dapat mengekang budaya rasuah dalam negara dengan mudah dan cepat. Oleh yang demikian, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk mendidik masyarakat supaya menyemai nilai-nilai murni dalam diri dan membenci amalan rasuah secara tidak langsung akan melahirkan masyarakat yang bersih dan bebas rasuah.



JAUHI RASUAH



Penulis: Norain binti Ujang
Unit Integriti, KPM

Pergi ke kedai membeli roti,
Roti dibeli untuk Johari,
Budaya rasuah **JANGAN DIDEKATI**,
Supaya kelak tidak memakan diri,

Pergi ke bandar menaiki feri,
Menaiki feri di tengah hari,
Sifat tamak **PERLU DIJAUHI**,
Supaya kelak tidak memakan diri,

Berbuka puasa bersama kurma,
Dimakan pula dengan sambal ikan,
Tiada memberi tiada yang menerima,
Budaya **RASUAH** dapat **DIHAPUSKAN**,

Pergi ke kedai membeli kain pelekat,
Kain pelekat dibeli di luar negara,
Rasuah **BARAH** masyarakat,
Jauhinya demi kemakmuran negara,

Dari Kuala Lumpur singgah membeli buah,
Buah dibeli untuk saudara-mara,
Katakan **TIDAK** pada **RASUAH**,
Supaya negara aman sejahtera,

Ke negeri Kelantan berjalan-jalan,
Singgah sebentar di tepi pantai,
BUDAYA INTEGRITI jadikan amalan,
Supaya masyarakat hidup aman damai,

Menunggang kuda sambil memamah,
Anak panah pula terkena cermin,
Penjawat awam **PERLU JUJUR AMANAH**,
Supaya kualiti kerja terus terjamin.



Komitmen
mencaj
kerana

9-1

MENTERI

iti dan Antirasuah Nasional
gunan Perdana Putra
ajaan Persekutuan

7184
D

LIHARA

atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua
rang. Sebarang pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah
sama sekali.

MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2020–2024

DIRASMIKAN OLEH
YBHG. DATO' DR. MOHD GAZALI BIN ABAS
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



Penulis: Wan Muhamad bin Wan Junoh
Unit Integriti, KPM

Pelan Antirasuah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) Tahun 2020-2024 telah dibangunkan selari dengan Pelan Antirasuah Nasional dan digubal berdasarkan bidang tugas KPM bagi menutup segala ruang dan peluang yang boleh membawa kepada amalan rasuah, salah guna kuasa serta penyelewengan. Pelan ini juga memfokuskan kepada pembudayaan amalan integriti tinggi dalam kementerian.

Pada **25 Februari 2020 (Selasa)**, KPM melalui Unit Integriti secara rasminya telah mengadakan Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah KPM Tahun 2020-2024 bertempat di Dewan Za'ba KPM, Presint 5, Putrajaya. Majlis pelancaran tersebut telah **dirasmikan** oleh **YBhg. Dato' Dr. Mohd Ghazali bin Abas, Ketua Setiausaha KPM** dengan disaksikan oleh YBhg. Datuk Seri Haji Azam bin Baki, Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM serta dihadiri oleh Tuan Ramli bin Ismail, Ketua Unit Integriti KPM.

Pihak kementerian telah mengenal pasti 3 bidang keutamaan yang terdedah kepada risiko rasuah iaitu:

1. Pentadbiran

2. Perolehan

3. Tadbir Urus Korporat

Sehubungan dengan itu, dalam usaha memperkasa usaha pencegahan jenayah rasuah di KPM, **39 inisiatif** akan dilaksanakan melalui pelan tindakan. Ringkasan jumlah inisiatif adalah seperti berikut:



Semua status inisiatif akan dipantau secara berkala melalui Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) KPM yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha KPM dan seterusnya dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Antirasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri.

Justeru, Pelan Antirasuah KPM yang dilancarkan ini akan menjadi dokumen dasar bagi semua peringkat jabatan serta agensi bawah KPM. Pelancaran Pelan Antirasuah ini merupakan inisiatif kementerian dalam memelihara imej kementerian selari dengan kesungguhan usaha memerangi jenayah rasuah, pemantapan tadbir urus serta sistem penyampaian kerajaan yang telus, cekap dan berkesan.

MAJLIS PELANCARAN PELAN ANTIRASUAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA TAHUN 2020-2024



*"Mengamalkan sifat **berintegriti** dalam setiap tugas yang diamanahkan seharusnya menjadi etika yang dipegang kuat pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan Malaysia".*

*"Gunakanlah media sosial secara **berhemah**, dengan tujuan untuk **mendidik** serta **menyebarkan ilmu** dan **kesedaran**, bukan untuk menimbulkan kekeliruan dan kekacauan, mengadu domba, dan menyebarkan fitnah".*

*"Ingatlah sebagai penjawat awam dan warga pendidik kita sentiasa diperhatikan oleh masyarakat dan kalangan pelajar, **santunilah** mereka dengan **pekerti** yang **luhur** dan **integriti** yang tinggi agar naungan **kegembiraan**, **kasih sayang** dan **saling hormat menghormati**, tumbuh subur dalam kalangan kita".*

Ucapan YBhg. Dato' Dr. Ketua Setiausaha, KPM
Majlis Pelancaran Pelan Antirasuah KPM Tahun 2020-2024
25 Februari 2020



ULASAN BUKU



Tajuk Buku:

**Pendidikan Rasulullah SAW;
Suatu Alternatif Ke Arah
Penyelesaian Masalah Umat**




Diterbitkan Pada:
Jun 2015



Pengarang:

**1. Haji Mahyuddin Ashaari; dan
2. Haji Tajudin Abdul Hamid**



Terbitan:

**Yayasan Takmir Pendidikan,
Bangi Business Park,
Bandar Baru Bangi, Selangor**

Penulis: Haji Osman bin Toroh
Jemaah Nazir Negeri Kedah, KPM

SINOPSIS

Mukadimah

Bab 1 : Konsep Pendidikan Secara Umum

Bab 2 : Definisi Pendidikan

Bab 3 : Perbandingan Pendidikan Perspektif Islam dan Pendidikan Perspektif Barat



Nabi Muhammad SAW dan Pendidikan

Bab 1 : Nabi Muhammad SAW Sebagai Seorang Pendidik

Bab 2 : Matlamat Pendidikan Rasulullah SAW

Bab 3 : Dasar dan Sumber Ambilan Bahan Didikan Rasulullah SAW

Bab 4 : Teknik dan Kaedah Pendidikan Rasulullah SAW

Bab 5 : Rahsia Kejayaan Didikan Rasulullah SAW

Bab 6 : Peranan, Sikap dan Akhlak Rasulullah SAW Dalam Pendidikan



Rasulullah SAW dan Para Sahabat

Bab 1 : Pembahagian Tugas Pendidikan Dalam Kalangan Para Sahabat

Bab 2 : Kesan dan Hasil Didikan Rasulullah SAW Dalam Kalangan
Generasi Sahabat dan Salafussoleh.



Rumusan Pendidikan Rasulullah SAW

Bab 1 : Apa Yang Dapat Dipelajari Daripada Pendidikan Rasulullah SAW

Bab 2 : Kewajipan Mempelajari Ilmu Agama

Bab 3 : Memberi Pertolongan dan menyampaikan Ilmu Agama



Pendidikan Manusia

Bab 1 : Mendidik Anak

Bab 2 : Pentingnya Menuntut Ilmu

Bab 3 : Pembahagian Ilmu

Bab 4 : Ilmu Membina Sahsia

Bab 5 : Sumber dan Dasar Mendidik Manusia

PENGAJARAN

Sesungguhnya Nabi Muhammad SAW adalah seorang Rasul dan juga seorang pendidik yang unggul. Baginda **mendidik, mengasuh, mengajar dan memberi suri teladan yang sangat baik dan berkesan** kepada generasi pertama umat Islam. Al-Quran menegaskan bahawa generasi sahabat merupakan hasil asuhan dan didikan Rasulullah SAW sebagai generasi Khaira Ummah, iaitu generasi terbaik dan terpilih. Justeru, kita dituntut untuk mengikut dan meneladani perlakuan dan pimpinan mereka. Sahabat-sahabat baginda bagaikan bintang-bintang di langit. Pimpinan, watak dan perlakuan mereka adalah cerminan diri dan keperibadian Baginda Rasulullah SAW.

Kandungan di dalam al-Quran mengajak **manusia berfikir dan mengambil iktibar**. Allah SWT mencipta manusia dengan fitrah yang bersih dan mulia, lalu melengkapkannya dengan bakat dan kemampuan memahami serta berfikir yang baik, bagi membolehkan manusia mengetahui dan mengakui hakikat kebesaran Allah SWT, melalui kenyataan tentang alam semesta, perubahan malam dan siang, peredaran matahari dan bulan dan sebagainya.

Nabi Muhammad SAW telah memberi **penjelasan dan petunjuk yang lengkap dan sempurna** tentang segala ilmu dan yang terkandung dalam al-Quran. Baginda Rasulullah SAW sebagai guru pertama, telah menunjukkan **kaedah pendidikan berkesan**. Keperibadian Rasulullah SAW yang sempurna, yang tergambar dalam perkataan dan perlakuan Baginda SAW adalah merupakan suatu pendidikan. Allah SWT menganugerahkan kepada Baginda SAW ilmu pengetahuan yang tidak pernah dimiliki oleh sesiapa pun. Allah SWT menyempurnakan nikmat-Nya kepada Baginda SAW dengan menganugerahkannya keperibadian yang unggul secara menyeluruh.

Sesungguhnya Umat Islam memerlukan **sistem pendidikan yang dapat mengembalikan dirinya kepada fitrah insan**. Pendidikan yang dapat memandu diri dan rohaninya mengenal Allah SWT iaitu pendidikan atau sistem pendidikan yang **tidak memisahkan agama dengan dunia**. Islam menetapkan bahawa dunia dan akhirat adalah satu, **semua perlakuan hidup di dunia** akan membuahkkan **hasil di akhirat**.

Adalah diharapkan guru-guru, pemimpin masyarakat dan ibu bapa dapat **membaca dan meneliti kandungan buku** ini berpandukan bimbingan al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW serta pendapat ulama muktabar, yang tentunya dapat membantu kaum pendidik dalam usaha membina daya tahan generasi muda Islam hari ini, yang sedang berhadapan dengan badai dan gelombang globalisasi yang amat mencabar.

Sekian.



KEHIDUPAN DAN PERJUANGAN

Penulis: Wan Muhamad bin Wan Junoh
Unit Integriti, KPM

KEHIDUPAN

Maksud kepada 'kehidupan' dinyatakan melalui Kamus Dewan Edisi Keempat ialah "**perihal hidup**". Manakala 'perihal' pula merujuk kepada keadaan; hal, kejadian, peristiwa; tentang hal (kejadian dan lain-lain), tentang keadaan, mengenai (sesuatu atau seseorang).

Perjuangan bermaksud perihal **berjuang** untuk **berebut** (mencapai, mempertahankan) sesuatu. - (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Beberapa persoalan dilontarkan untuk difikirkan bersama-sama:

1. Apakah perkara yang kebanyakan manusia **rebut** (kejar) dalam kehidupan dunia ini?
2. Apakah perkara yang direbutkan itu **menguntungkan** atau **mensia-siakan**?; dan
3. Bagaimana manusia **sanggup** dan dapat mengharungi (menghadapi) segala keperitan kehidupan di dunia ini demi sesuatu perkara?

Tujuan persoalan tersebut dinyatakan adalah untuk sama-sama kita fikirkan tentang apa yang kita sendiri alami. Kita seharusnya sedar tentang apa yang kita sedang pilih dan akan memilih. Jika belum sedar, amat perlu untuk kita **segera sedarkan diri** tentang pilihan yang sedang dan yang telah kita pilih. Ini terutamanya kepada pilihan yang amat penting serta akan memberi kesan yang amat besar pada kita pada masa hadapan.

Kehidupan di dunia ini merupakan perjuangan dalam pelbagai aspek dan keadaan. Perkara yang akan hadir bersama-sama perjuangan juga adalah pertarungan. Antara perjuangan yang paling sengit dalam hidup ini adalah perjuangan dan pertarungan dalam menentang diri sendiri. Bagaimanakah boleh dikatakan sedemikian?

SIFAT

Sebagaimana yang kita sedari dan pelajari bahawa dalam setiap diri manusia yang normal itu telah wujud secara azali pelbagai sifat. Merujuk kepada kepelbagaian sifat yang wujud itu, Islam telah membahagikannya kepada dua kategori (istilah) utama iaitu:

1. Sifat **mahmudah** (terpuji); dan
2. Sifat **mazmumah** (tercela, terkeji, terhina).

Apabila ditanya kepada sesiapa sahaja, tidak kira apa keturunan bangsa atau agama, jika diminta untuk memilih antara dua sifat itu, sudah tentu sekali dengan yakin dia akan memilih kepada sifat mahmudah. Ini adalah kerana fitrah (asal) kejadian manusia itu memang sukakan kepada kebaikan dan inginkan kebaikan. Namun, apabila manusia itu telah melalui beberapa fasa kehidupan, peredaran masa, meningkatnya bilangan umur, berubahnya budaya persekitaran, bertambahnya pelbagai pengetahuan, serta perkembangan nafsu (keinginan) dalam diri, pertimbangan manusia untuk memilih itu dan ini mula berbeza-beza kerana wujud pertembungan bermacam-macam kehendak dalam jiwa manusia itu sendiri.

PILIHAN

Kita lihat kepada satu contoh mudah iaitu kehendak manusia memiliki harta kekayaan yang banyak. Pilihan yang ada adalah:

1. Berusaha bekerja dengan bersungguh-sungguh dan mematuhi semua peraturan yang ditetapkan dengan integriti; atau
2. Berusaha bekerja dengan apa sahaja cara supaya mudah dan secepat yang boleh tanpa integriti. Manusia tidak mengambil kira halal atau haram, peraturan dan hanya utamakan hasil yang lumayan, keuntungan yang berganda-ganda.

Maka, di sini wujudlah pertembungan, perbezaan untuk membuat pilihan dan perjuangan dalam jiwa manusia itu. Pada zaman ini, jika kita membuat andaian secara mudah, manusia tidak berintegriti akan memilih cara ke-2, kerana pada zahirnya mudah dan cepat. Namun, bagi mereka yang berintegriti sudah tentu akan memilih pilihan pertama walaupun pilihan itu kelihatan agak sukar, memerlukan banyak usaha, masa, tenaga dan pengorbanan yang perlu dilakukan.

Bagaimana seseorang itu mampu untuk tetap **berintegriti** dengan membuat pilihan kepada perkara-perkara yang memerlukan pengorbanan yang berat, usaha yang gigih, mengambil pelbagai risiko, kesusahan, mengorbankan masa dan sanggup kehilangan apa yang disayanginya serta banyak lagi, demi mendapatkan sesuatu atau melakukan kebenaran.

Jawapannya adalah hanya dengan **menewaskan kepentingan diri sendiri**. Kenapa dan bagaimana dikatakan menewaskan kepentingan diri sendiri?

Ringkasnya, sifat mahmudah dan sifat mazmumah berada dalam diri manusia dan tidak akan berlaku bersama-sama pada waktu yang sama. Sifat tersebut tidak boleh dibuang dan akan berlaku berdasarkan pilihan perbuatan yang lebih dominan dalam diri seseorang itu. Bagi seseorang yang didominasi dengan sifat mahmudah, sudah tentu dia telah sanggup mengorbankan diri sendiri untuk tidak mengambil segala kepentingan yang ada pada sifat mazmumah.

Contohnya, kerana tidak ingin riyak, seseorang itu sanggup mengorbankan (sifat atau sikap) suka menunjuk-nunjukkan amal ibadah atau sesuatu kebaikan dengan tujuan mendapatkan pujian atau sanjungan daripada orang lain, bukan kerana Allah SWT. Hanya dengan menewaskan riyak, menewaskan ujub dan segala sifat mazmumah dalam jiwa akan melahirkan kemanisan hubungan hamba dengan Yang Maha Pencipta.

IKHLAS

Memenangkan keikhlasan di dalam jiwa kerana Allah dalam perjuangan pula merupakan sesuatu yang tidak mudah, bahkan amatlah sukar. Apabila jiwa ikhlas kepada Allah, maka terasalah nikmat akidah, nikmat tawakal, nikmat munajat, nikmat mengingati Hari Akhirat, nikmat tahajud, nikmat ujian, nikmat memuji Allah dalam hidup ini.

Semoga kita dikurniakan **kejayaan menentang kepentingan diri sendiri** oleh Allah SWT. Berikut dikongsikan lima contoh perjuangan sangat hebat dalam kehidupan insan yang telah kekal ditulis, diperakukan dan dibukukan dalam lipatan sejarah dunia untuk **pedoman** semua:

1. Baginda Nabi Muhammad SAW telah dilontar dengan batu-batu di Taif hingga luka berdarah tubuhnya. Baginda SAW pernah terjatuh dalam lubang perangkap Abu Amir Al-Fasiq yang menyebabkan luka pada wajahnya, patah giginya dan tercucuk besi di kepalanya;
2. Khalifah Umar Al-Khattab r.a. yang sangat adil dan soleh yang sering dikejar musuh-musuhnya telah meninggal dunia kerana ditikam ketika beliau sedang solat;
3. Khalifah Uthman bin Affan r.a. yang warak telah meninggal dunia kerana dibunuh oleh pemberontak yang beragama Islam ketika sedang membaca Al-Quran dan dalam keadaan berpuasa hingga dapat dilihat darah merah mengalir di mushaf Al-Quran yang dibacanya. Isterinya juga telah dicerderakan;
4. Khalifah Ali bin Abi Talib r.a. telah ditikam dengan pedang yang beracun oleh Khawarij ketika sedang menunaikan solat; dan
5. Khalifah Umar bin Abdul Al-Aziz r.a. dikatakan meninggal dunia kerana diracun oleh pekerjanya. Pekerjanya telah diupah 1,000 dinar oleh musuhnya.

YAKIN

Segala **halangan kesusahan, ugutan, kesakitan, kecaman, musuh** yang ramai dan seumpamanya dapat dihadapi serta diharungi mereka dengan **perjuangan** yang hebat. Pilihan dan perjuangan untuk menyebarkan **Islam** dan **menegakkan keadilan** tidak pernah berkurang di dalam jiwa mereka bahkan makin **bertambah** dari semasa ke semasa **dengan kemanisan**. Apakah rahsianya?

Jawapannya tidak lagi rahsia, iaitu hanyalah berbekalkan **yakin** dan **ikhlas**. Hari ini, jika direnungkan apa yang telah berlaku, dilakukan dan dilalui oleh mereka, pasti kita akan merasakan sesuatu yang sangat hebat (ajaib) telah berlaku dan seakan-akan perkara itu sangat mustahil untuk berlaku pada mana-mana insan di zaman ini.

BERFIKIR

Sesungguhnya beruntunglah mereka yang **berfikir** dan **mengambil iktibar** dengan **peringatan** yang telah dinyatakan. Bagaimana dengan kita pada hari ini? **Renungkan, fikirkan** dan **muhasabah diri** dengan firman Allah SWT:

Maksudnya: “.. Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu keterangan-keterangan, supaya kamu berfikir (dan mengambil iktibar)”. [QS Al-Baqarah 2: 266]

Maksudnya: “.. Dan tiadalah yang mengambil pelajaran dan peringatan melainkan orang-orang yang berfikiran”. [QS Ali-Imran 3: 7]

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman, bertakwalah kepada Allah, dan katakanlah perkataan yang tepat, benar (dalam segala perkara). Supaya Ia memberi taufik dengan menjayakan amal-amal kamu, dan mengampunkan dosa-dosa kamu. Dan (ingatlah) sesiapa yang taat kepada Allah dan Rasul-Nya, maka sesungguhnya ia telah berjaya mencapai sebesar-besar kejayaan”. [QS Al-Ahzab 33: 70-71]

“

Pilihan dan *perjuangan* yang dilakukan mereka terdahulu dengan **mengorbankan kepentingan diri sendiri** demi Islam dan kebenaran telah memberi peluang untuk kita (umat manusia) menikmati **kehidupan Islam** dan **kemanisan iman** pada hari ini”.

Sekian.



Rencana

PERKIRAAN Rugi Untung KEHIDUPAN

Penulis: Wan Muhamad bin Wan Junoh
Unit Integriti, KPM

Melihat kepada musibah atau ujian, apakah perkara yang boleh kita renungkan? Adakah kita hanya menganggap untung jika terselamat daripada musibah dan rugi bagi mereka yang diuji atau dilanda musibah? Hari ini pelbagai kejadian yang telah berlaku di hadapan kita dan dinamakan dengan musibah serta ada juga yang telah menamakannya sebagai ujian. Harus ingat bahawa sangat penting di sini untuk diri kita tidak merasakan bernasib baik apabila orang lain ditimpa musibah. Ingatlah bahawa jika berlaku musibah terhadap orang lain, kita perlu bermuhasabah diri kerana musibah kepada orang lain adalah ujian buat kita.

Tanya diri kita tentang:

1. Apakah perasaan dan tindakan kita apabila ada insan tidak berdosa dizalimi?; dan
2. Apakah yang kita mampu bantu mereka yang dalam kesempitan hidup (miskin)?

Sangatlah rugi jika seseorang itu tidak mempunyai apa-apa perasaan belas kasihan atau ingin membantu apabila melihat orang lain ditimpa musibah atau diuji dengan ujian yang berat. Ini adalah kerana, kita sebenarnya perlu bertanggungjawab. Ingatlah! Kita akan ditanya. Sejauh manakah kita berfikir tentang perkara ini?

Kerugian

Tiada seorang pun yang inginkan kerugian di dunia mahu pun di akhirat. Oleh sebab itu, marilah kita mengambil peringatan dan merenung maksud firman Allah SWT yang telah bersumpah dengan masa semoga tidak tergolong dalam maksud berikut:

“Demi Masa! Sesungguhnya manusia itu dalam **kerugian**. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan kesabaran”. [QS Al-Asr 103: 1-3]



Keuntungan

Tiada siapa yang menolak jika ditawarkan dengan keuntungan. Perbincangan untung dan tidak mahu rugi ini adalah berkait dengan sikap manusia. Kali ini kita ingin fokus kepada perbincangan mengenai beberapa perumpamaan keuntungan yang diperoleh oleh mereka yang menafkahkan sebahagian harta ke jalan Allah SWT.

Perniagaan Yang Tidak Rugi

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Sesungguhnya orang yang selalu membaca kitab Allah dan tetap mendirikan solat serta mendermakan daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terang, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis **perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian**. Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahkan mereka daripada limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya (akan orang yang bersyukur kepada-Nya)”. [QS Fatir 35: 29-30]

Allah SWT adalah sebagaimana sangkaan hamba-Nya. Abu Hurairah r.a berkata, Nabi SAW telah bersabda “Allah SWT berfirman: Aku sebagaimana sangkaan hamba-Ku. Aku bersamanya ketika dia mengingati-Ku. Jika ia mengingati-Ku saat bersendirian, Aku akan mengingatnya dalam diri-Ku. Jika dia mengingat-Ku di suatu kumpulan, Aku akan mengingatnya di kumpulan yang lebih baik daripada itu (kumpulan malaikat)”. [HR Bukhari (6970) dan Muslim (2675)]

Keuntungan Bukan Harta

Bagi ibu bapa dan juga para pendidik pula, kita perlu sedar serta mendidik anak-anak (murid dan pelajar) supaya mereka mengerti tentang hakikat keuntungan sebenar.

Hakikat keuntungan bukannya dinilai secara mutlak dengan harta, tetapi manusia yang beruntung adalah mereka yang mampu berkongsi hartanya bersama-sama golongan kurang berkemampuan. Anak-anak perlu dididik untuk berasa simpati dan empati secara bijaksana.

Pendidikan ini boleh bermula di peringkat awal dengan amalan berkongsi, memberi makanan atau membeli makanan kepada kawan-kawan yang kurang berkemampuan di sekolah. Seterusnya, anak-anak perlu dididik dengan sikap kesederhanaan, merasa cukup dan bersyukur dalam semua aspek kehidupan.

Ibu bapa perlu menjadi orang yang paling rapat dengan anak-anak dan perlu menunjukkan suri teladan supaya anak-anak mudah terdidik dengan konsep kehidupan yang baik. Sentiasa berdoa kepada Allah SWT untuk mendidik nafsu supaya merasa cukup dan bersyukur dengan apa yang ada.

Ujian Hidup

Ujian hidup bukan hanya berbentuk kekurangan atau musibah, tetapi ia termasuk juga kelebihan, kebahagiaan dan kekayaan yang dikurniakan. Walaupun amat berat bagi setiap insan menerima sesuatu musibah, namun ketahuilah bahawa Allah SWT tidak akan sesekali menguji hamba-hamba Nya supaya memudaratkan mereka, melainkan adalah untuk memberi kekuatan dan peringatan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. Ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya". [QS Al-Baqarah 2: 286]

Setiap ujian adalah untuk mendidik kita supaya reda kepada Allah SWT. Hati perlu dididik supaya sentiasa mempunyai keyakinan yang jitu terhadap Allah SWT dengan apa yang telah ditakdirkan.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

"..Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya baginya jalan keluar (daripada segala perkara yang menyusahkan). Serta memberinya rezeki daripada jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)". [QS At-Talaq 65: 2-3]

Jaminan Jalan Keluar

Alangkah ruginya mereka yang setelah diuji Allah SWT, kemudian merasa kecewa dan mengeluh dengan musibah yang melanda. Allah SWT telah berjanji (memberi jaminan) dalam al-Quran jika hamba-hamba Nya yang diuji itu reda dan sentiasa mengingati Allah SWT (bertakwa), maka akan diberi jalan keluar dalam apa jua keadaan.

Keyakinan jitu terhadap Allah SWT adalah jaminan jalan keluar bagi segala-segalanya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

"Sesungguhnya orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): Janganlah kamu bimbang (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berduka cita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh Syurga yang telah dijanjikan kepada kamu". [QS Fussilat 41: 30]

Keredaan akan berkurangan atau hilang jika hati diselubungi rasa syak, keraguan, buruk sangka dan kebimbangan terhadap ujian Allah SWT. Kelakian kita boleh menggambarkan sama ada kita benar-benar yakin kepada Allah SWT atau sebaliknya.

Kehidupan Singkat

Ketika ingin mencabut nyawa Nabi Nuh a.s, malaikat maut telah bertanya kepada Baginda: *"Bagaimana kamu dapati dengan umur yang begitu panjang? Nabi Nuh menjawab: Umpama sebuah rumah yang aku masuk melalui pintu depan dan keluar melalui pintu belakang".*

Nabi Nuh a.s telah dikurniakan Allah SWT dengan umur yang panjang lebih seribu tahun membuat perumpamaan bahawa kehidupan (umur) yang dilaluinya itu berlalu dengan begitu pantas (singkat).

Bagaimana pula dengan bilangan umur kita sebagai umat Nabi Muhammad SAW
Sekian.



Sajak

Pengorbanan Itu Nikmat Kehidupan

Penulis: Juarina binti Hassan
SMK Seremban 2, Negeri Sembilan

*Di hadapanku,
berbaris makanan lazat-lazat,
pelbagai aneka pilihan,
perut sedari kosong dari pagi,
meminta diisi seperti kelaziman sehari-hari,*

*Sepinggian nasi putih yang panas,
sudah cukup membuak-buakkan
perutku yang semakin lapar,
kuceduk lauk berkuah kari ikan tenggiri
dan sayur sawi yang cantik menghijau,
segelas air tembikai merah menyala,*

*Mencari tempat duduk di bawah tempat
teduh,
sudah cukup nikmat buatku,
apatah lagi angin kipas yang sentiasa
berpusing-pusing,
menambahkan lagi keselesaanku,*

*Sebelahku bangunan tersergam indah,
dipenuhi kenderaan besar dan kecil,
berlatar belakang kawasan perumahan,
laksana cendawan yang tumbuh
selepas hujan,*

*Aku menikmati makan tengah hariku dengan penuh
kelazatan dan nikmat,
enak sekali!
saatku hirup air tembikai yang masih berbaki,
hatiku berbisik,
tidak mungkin ku peroleh semua ini,
malahan semua manusia hari ini tidak akan
memperolehi semua ini,
seandainya jika bukan kerana orang terdahulu,
pengorbanan mereka yang telah memberi
kenikmatan pada masa kini,
nikmat keamanan,
nikmat kehidupan,*

*Bangunan yang tersergam,
perumahan tempat bernaung hujan dan panas,
kenderaan kecil mahupun besar,
semua serbi lengkap,
kemudahan yang maha hebat,
hatta, nasi yang dimakan sehari-hari,
lauk-pauknya dari daratan dan lautan,
asalnya dari keringat yang melimpah ke bumi,
dari kudrat tulang kudrat,
dipayungi mentari terik,
pastinya atas pengorbanan,
pengorbanan yang terdahulu,*

*Ku akui,
pengorbanan itu nikmat kehidupan,
demi kelangsungan masa kini dan akan datang.*

Sekian.

7 TANDA REZEKI DIBERKATI

Penulis: Wan Muhamad bin Wan Junoh
Unit Integriti, KPM



■ **REZEKI** bukan sekadar harta benda atau pendapatan (wang) semata-mata. Rezeki boleh dimaksudkan dengan pelbagai perkara lain yang memberi maksud kebaikan. Contohnya, kesihatan, jiwa yang tenang, ilmu bermanfaat, sahabat sejati dan seumpamanya.

■ **Rezeki** merupakan **ujian** daripada Allah SWT kepada manusia.



■ **Rezeki** adalah **kurniaan** daripada Allah SWT:

“Dan sesiapa yang **bertakwa** kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya)”.

[QS At-Talaq 65: 2-3]

1. Sentiasa rasa **cukup (syukur)** dengan apa yang ada, dan kadangkala kita rasa seperti lebih daripada cukup walaupun sedikit.
2. Kehidupan berkeluarga dilihat **bahagia** walaupun pada waktu tertentu ada masalah bak kata pepatah “sedangkan lidah lagi tergigit”. Pendapatan yang bercampur halal dan haram seperti rasuah, ia boleh menghilangkan keberkatan pendapatan.
3. **Memelihara diri** melakukan ibadah wajib dan juga ibadah sunat. Contoh, menunaikan solat lima waktu dan bersedekah.
4. Kehadiran kita **disenangi** (memberi keselesaan kepada orang lain) atau kita suka didampingi orang lain. Contohnya, disenangi ahli keluarga, rakan-rakan atau jiran tetangga.
5. Anak-anak **baik akhlak** dan cemerlang dalam pendidikan.
6. Rumah sering **diziarahi** tetamu. Kedatangan tetamu membawa rezeki dan keberkatan di dalam rumah tangga.
7. Boleh menjadi sebab kepada **doa dimakbulkan** Allah SWT.

Setiap **pekerjaan** yang dilakukan oleh manusia untuk meneruskan kelangsungan hidup di dunia merupakan **ibadah** iaitu selagi ia dilakukan dengan niat yang baik dan tidak melanggar hukum-Nya. Rezeki yang berkat adalah rezeki yang dicari dengan titik peluh sendiri, bukan dengan cara menunggu pemberian daripada orang lain seperti meminta sedekah, derma dan seumpamanya sedangkan tubuh badan sihat dan kuat. Hal ini sangat dilarang oleh Islam kerana perkara tersebut merupakan perbuatan yang memalukan dan menghinakan.

Rezeki berkat tidak semata-mata diukur dengan pendapatan yang banyak. Sebaliknya rezeki yang diperolehi secara berkat akan menyebabkan seseorang itu **bersyukur** kepada Allah SWT.

Sabda Nabi SAW: “*Sesungguhnya Allah yang Maha Luas Kurnia-Nya lagi Maha Tinggi akan menguji setiap hamba-Nya dengan rezeki yang diberikan. Barang siapa yang reda dengan pemberian Allah, maka Allah akan **memberkati** dan **melapangkan rezeki** baginya dan barang siapa yang tidak reda nescaya rezekinya tidak diberkati*”. (HR Ahmad)

Perkataan **REZEKI** menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bermaksud “**segala sesuatu yang dikurniakan Allah untuk keperluan rohani dan jasmani**”.

Rujukan:

Portal Rasmi Pusat Kutipan Zakat Pahang
<http://www.zakatpahang.my/index.php/artikel/item/59-7-tanda-rezeki-diberkati-allah-swt>



Salurkan

maklumat aduan anda kepada
Unit Integriti KPM:

 **03-88845401**

 **aduan.integriti@moe.gov.my**



PENGHARGAAN

- Unit Integriti merakamkan penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyumbang-penyumbang karya serta semua pihak yang telah bersama-sama menjayakan penerbitan buletin kali ini.